

TARIKH	RABU, 24 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	89 PERATUS PELAJAR MELAYU DIKESAN TAK MINAT SUBJEK STEM
M/S	9
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT



Pertandingan sains antara kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mampu menarik minat pelajar Melayu dalam subjek STEM. (Foto hiasan)

89 peratus pelajar Melayu dikesan tak minat subjek STEM

Kajian GPMS dapati negara dijangka 'kehilangan' saintis, pakar teknologi dalam tempoh 15 tahun

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negara dijangka 'kehilangan' saintis dan pakar teknologi Melayu dalam tempoh sekurang-kurangnya 15 tahun lagi apabila 89 peratus pelajar Melayu dikesan tidak berminat dalam subjek Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM).

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Fazreen Fauzi, berkata dapatan itu diperoleh melalui kajian perubuhan itu di lapangan membabitkan 10,000 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh negara tahun lalu.

Beliau berkata, atas dasar itu, Kementerian Pendidikan (KPM) digesa menampilkan segera program khas untuk menarik minat pelajar dalam STEM.

"Jika pelajar kehilangan minat dalam sains dan matematik, ia boleh menyebabkan kekurangan tenaga kerja dalam bidang berkaitan teknologi, kejuruteraan dan perubatan, sekali gus menghalang kemajuan negara dalam

inovasi serta pembangunan teknologi.

"Jadi, usaha penting sekarang ialah membangkitkan semangat dan minat pelajar dalam subjek ini untuk memastikan kecukupan jangka panjang," katanya.

Kelmarin, *BH* melaporkan negara dibimbangi kehilangan tenaga kerja profesional seperti doktor dan saintis disebabkan semakin ramai pelajar peringkat sekolah menengah tidak lagi berminat melanjutkan pelajaran dalam sains tulen.

Ini berdasarkan peratusan calon mengambil jurusan Sains Tulen dalam SPM dikesan terus merosot di bawah 15.2 peratus.

Melalui kajian sama dilaksanakan GPMS, lebih 90 peratus responden menunjukkan minat positif untuk menyambung pelajaran dan 46.5 peratus minat positif terhadap bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Program interaktif

Pada masa sama, Fazreen berkata, program interaktif dan menyeronokkan boleh diadakan bagi menarik minat pelajar terhadap STEM termasuk pertandingan sains, eksperimen praktikal, lawatan ke pusat sains dan teknologi, serta pendedahan kepada aplikasi dunia nyata dari sains dan matematik.

Beliau berkata, selain itu, sekolah juga perlu menyediakan sokongan tambahan seperti kelas

tambahan, tutor peribadi atau bimbingan kerjaya dalam bidang berkaitan bagi membangkitkan minat mereka.

"Komuniti sains dan matematik juga perlu diberi perhatian serta mengangkat mereka di sekolah untuk menggalakkan pertukaran idea antara pelajar.

"Misalnya pelajar diminta mengkaji penyebab strok haba yang dekat dengan mereka.

"Bagi penyelesaian jangka pendek, program yang menyeronokkan dan interaktif seperti pertandingan sains, kelas tambahan dan lawatan industri boleh dilaksanakan segera," katanya.

Fazreen berkata, untuk penyelesaian jangka panjang perlu diadakan integrasi kurikulum yang lebih menarik dan relevan dengan dunia nyata sains dan matematik, peningkatan

latihan guru, serta peluang pembelajaran luar bilik darjah.

Katanya, KPM disaran melihat pendidikan merentasi ruang lingkup ideologi politik demi kepentingan anak bangsa.

"KPM perlu membabitkan perubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti GPMS dan Persatuan STEM Kebangsaan serta pakar daripada sektor swasta atau akademik untuk mencari langkah terbaik menangani isu berkenaan.

"GPMS antara persatuan pelajar yang hingga kini masih tiada ruang untuk bertemu menteri pendidikan," katanya.



Fazreen Fauzi

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM